



SIARAN AKHBAR

S.A. 2025/08/28_16 (HQ)

PRESTASI TNB BAGI SEPARUH PERTAMA 2025: MEMACU PEMBANGUNAN NEGARA, MEMPERKASA KOMUNITI DAN MEMBERI GANJARAN KEPADA PEMEGANG SAHAM MELALUI PULANGAN DIVIDEN RM1.5 BILION

Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini mengumumkan prestasi kewangannya bagi separuh pertama tahun kewangan berakhir 30 Jun 2025 (1H 2025), dengan penekanan terhadap pengukuhan peranannya dalam membangunkan negara dan menyokong komuniti, di samping memberikan pulangan mampang kepada pemegang saham.

Kebolehpercayaan Merupakan Teras Strategi TNB

Bagi memastikan rakyat Malaysia terus menikmati bekalan elektrik yang stabil dan selamat, kebolehpercayaan merupakan tonggak utama strategi TNB. Selain daripada kekuatan kewangan dan sumbangan kepada komuniti, bekalan yang berdaya harap adalah asas penting dalam menyokong isi rumah, industri serta pertumbuhan negara.

Di samping memberi nilai dan impak kepada komuniti, kebolehpercayaan kekal sebagai nadi misi TNB. Dalam 1H 2025, TNB telah melabur sebanyak RM5.2 bilion dalam projek berkaitan kebolehpercayaan bagi memenuhi pertumbuhan permintaan, keselamatan bekalan dan peralihan tenaga.

Pada 28 Mei 2025, TNB telah merekodkan permintaan maksimum baharu sebanyak 21,049MW, sekaligus menekankan kepentingan pelaburan ini. Usaha dalam aspek ini juga telah membawa kepada penambahbaikan jelas apabila prestasi Indeks Tempoh Masa Purata Gangguan Sistem (SAIDI) meningkat kepada 23.56 minit bagi setiap pelanggan pada 1H 2025 berbanding 23.92 minit pada tahun lalu.

Dividen yang Dikembalikan kepada Rakyat

Bagi 1H 2025, TNB mencatatkan pulangan sebanyak RM2.2 bilion, disokong oleh permintaan kukuh, kecekapan operasi serta pengurusan kewangan berhemat. Ini juga disumbang oleh keuntungan terjemahan pertukaran asing sebanyak RM350.6 juta, terutamanya berikutan pengukuhan ringgit, daripada RM4.47/USD pada Disember 2024 kepada RM4.21/USD pada Jun 2025. Prestasi yang stabil ini telah membolehkan Lembaga Pengarah mengisyiharkan dividen interim sebanyak 25 sen sesaham, selaras dengan dasar dividen syarikat.

“Komitmen dividen kami adalah untuk terus memberi ganjaran kepada pemegang saham. Seterusnya, ia turut dipulangkan secara langsung kepada rakyat dan untuk pembinaan negara. Ini mencerminkan etos TNB untuk memberi nilai sambil menyalurkan semula untuk manfaat negara,” kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Dianggarkan RM1.5 bilion dalam bentuk dividen akan diagihkan kepada pemegang saham TNB, dengan hampir 60% akan disalurkan kepada institusi pelaburan berkaitan kerajaan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP). Ini mencerminkan komitmen berterusan TNB untuk menjana pulangan kepada pemegang saham dan seterusnya rakyat, dengan jutaan rakyat Malaysia mendapat manfaat melalui pencen dan simpanan.

Pembinaan Negara: Memperkasa Pelanggan dan Komuniti

Selain menjana pulangan kewangan, TNB terus menyumbang melalui inisiatif bersasar yang menyokong rakyat Malaysia dan membina komuniti yang lebih kukuh, sambil memacu kesiapsiagaan negara menuju masa depan yang lebih mampan dan berteraskan digital.

Sejajar dengan matlamat ini, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) akan memperkenalkan kursus baharu di peringkat ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) bermula September ini. Program ini dirangka bagi memenuhi permintaan pasaran kerja yang kian meningkat serta seiring dengan aliran teknologi global. Melalui pemantapan kemahiran lanjutan dalam kalangan pelajar, UNITEN mempersiapkan graduan yang sedia untuk kerjaya bernilai tinggi dalam sektor tenaga dan bidang lain, sekali gus menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi digital dan lestari.

TNB turut memperkuuh impak sosialnya melalui bantuan zakat, dengan RM5.4 juta disalurkan kepada lebih 21,500 penerima asnaf. Bantuan ini merangkumi projek perumahan di bawah Projek Baiti Jannati, pemberian dan pendawaian semula rumah, bantuan kepada golongan miskin dan kumpulan memerlukan, serta sokongan bagi tujuan Fisabilillah seperti penambahbaikan masjid dan surau, bantuan kepada institusi tafhib serta inisiatif kebajikan lain.

Sepanjang 1H 2025, jumlah bagi inisiatif komuniti yang lain mencecah RM99.7 juta. Jumlah sumbangan termasuk:

- **Sokongan Pendidikan:** Menerusi bantuan berjumlah RM64.3 juta yang disalurkan melalui UNITEN dan Yayasan Tenaga Nasional (YTN), seramai 1,515 pelajar di seluruh negara dapat meneruskan pengajian mereka, seterusnya membuka peluang untuk bakat masa hadapan selain menyumbang kepada pembangunan modal insan jangka panjang Malaysia.
- **Kebajikan Pendidikan:** Sejumlah RM3 juta telah diagihkan kepada 276 pelajar kurang berkemampuan dan 50 sekolah di bawah Program Sekolah Angkat TNB.
- **Sumbangan Khidmat Komuniti:** Sebanyak RM2.5 juta telah disalurkan kepada 93,000 penerima dalam bentuk bantuan makanan, acara komuniti dan program keagamaan.
- **Inisiatif Penjagaan Kesihatan:** Kira-kira RM335,000 telah diperuntukkan kepada program yang memberi manfaat kepada sekitar 2,710 individu. Ini termasuk pemberian peralatan kepada Hospital Rehabilitasi Cheras dan Hospital Pakar USM, sokongan pesakit di Hospital Sultan Zainal Abidin serta inisiatif oleh Pertubuhan Prihatin dan Sokongan Kanser Wanita dan Hari Kanser Sedunia 2025.

- **Bantuan Bencana:** RM541,250 telah disalurkan bagi membantu 3,156 individu yang terjejas akibat banjir dan ribut di beberapa negeri serta pelarian Palestin.
- **Pembangunan Sukan:** Bagi memupuk kecemerlangan sukan negara, lebih RM4.8 juta telah disalurkan untuk pembangunan hoki. Sumbangan kepada Konfederasi Hoki Malaysia, klinik latihan dan penyediaan peralatan telah memberi impak kepada hampir 15,750 atlet dan peminat.
- **Pulau Tenaga Hijau (PTH):** Pelaburan sebanyak RM360,513 telah disalurkan untuk pemasangan bumbung solar di SK Pulau Redang dan Masjid Kg Baru Pulau Redang yang memberi manfaat secara langsung kepada 723 individu. Inisiatif ini menyokong penggunaan tenaga yang lebih bersih di sekolah dan rumah ibadat, di samping memupuk kesedaran kelestarian dalam komuniti pulau tersebut.
- **Merakyatkan Solar:** Sebanyak RM2.17 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek panel solar pada bumbung dan lampu jalan berkuasa solar di tapak komuniti berimpak tinggi termasuk hospital Anjung Kasih, rumah ibadat, kampung pulau, sekolah luar bandar serta hab pendidikan.

Pengiktirafan dan Hala Tuju Masa Depan

Usaha-usaha ini yang merangkumi kebolehpercayaan grid, peralihan kepada tenaga bersih, disiplin kewangan dan inisiatif berfokuskan komuniti, secara keseluruhannya memperkuatkannya visi jangka panjang TNB untuk membina ekosistem tenaga moden, berdaya harap dan mampan, sejajar dengan strategi Reimagining TNB 2.0.

Komitmen ini turut diiktiraf pada Julai 2025 apabila Brand Finance menobatkan **TNB sebagai jenama utiliti kedua terkukuh di dunia dan jenama utiliti nombor satu ASEAN**, dengan nilai jenamanya meningkat 35% kepada USD2.3 bilion serta menerima penarafan AAA. Pencapaian ini bukan sahaja menunjukkan asas kukuh dan kepercayaan terhadap kepimpinan TNB, tetapi juga kesediaannya untuk memacu pertumbuhan jangka panjang serta membangunkan ekosistem tenaga yang mampan dan inklusif.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 28 Ogos 2025, jam 6:15 petang

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris di 019-2617617

/Grace Tan 016-6626229/ Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami di: media@tnb.com.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.2GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkey, yang terutamanya terdiri daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Mac 2025, TNB membekalkan elektrik kepada lebih daripada 11 juta pelanggan.



Photo 1

In announcing its 1H 2025 results, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** reaffirmed its commitment to nation-building, empowering communities and delivering shareholder value, with RM1.5 billion in dividends declared. Reliability remains central to this mission, with RM5.2 billion invested in projects supporting demand growth, energy security and the transition to cleaner energy.

Foto 1

Dalam mengumumkan prestasi separuh pertama 2025 (1H 2025), **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menegaskan komitmennya terhadap pembangunan negara, memperkasa komuniti serta memberikan pulangan kepada pemegang saham, dengan mengumumkan dividen berjumlah RM1.5 bilion. Kebolehpercayaan kekal menjadi teras kepada misi ini, dengan pelaburan sebanyak RM5.2 bilion dalam projek yang menyokong pertumbuhan permintaan, kestabilan elektrik dan peralihan kepada tenaga lebih bersih.

1

2025 1H 2025 业绩时 对 动
设 发 东 值创 诺 15 终 电
稳 视为 项 领 资 52 长
进 转

Option 1



Option 2



Photo 2

TNB continues to prioritise reliability alongside value creation and community impact, investing RM5.2 billion in 1H 2025 to support growing demand, supply security and the energy transition. These efforts contributed to improved SAIDI performance, reducing the average interruption duration to 23.56 minutes per customer.

Foto 2

TNB terus mengutamakan kebolehpercayaan melalui penciptaan nilai dan impak kepada komuniti, dengan pelaburan sebanyak RM5.2 bilion pada 1H 2025 bagi menyokong pertumbuhan permintaan, keselamatan bekalan dan peralihan tenaga. Usaha ini turut menyumbang kepada penambahbaikan prestasi SAIDI, dengan purata tempoh gangguan dikurangkan kepada 23.56 minit bagi setiap pelanggan.

□ □ 2

□ □ □ 创 □ □ 值 □ □ 动 □ □ 发 □ □ □ 时 □ □ 终 □ 电 □ □ 应 □ 稳 □ □ □ 视为 □ □ □ □ □
2025 □ □ □ □ □ □ □ 资 □ 52 □ □ □ □ □ 满 □ □ □ □ 长 □ □ □ □ □ □ □ 进 □ □ 转 □
□ □ □ 这 □ □ □ □ □ □ □ 户 □ □ □ □ 电时长 □ SAIDI □ □ □ 23.56 □ 钟 □



Photo 3

As part of its Reimagining TNB 2.0 strategy, TNB's holistic efforts on the energy sector, community and governance were recognised by Brand Finance in July 2025, naming it the world's second-strongest utility brand and ASEAN's top utility brand.

Foto 3

Sebagai sebahagian daripada strategi Reimagining TNB 2.0, usaha holistik TNB dalam sektor tenaga, komuniti dan tadbir urus diiktiraf oleh Brand Finance pada Julai 2025, menobatkan TNB sebagai jenama utiliti kedua terkuuh di dunia dan jenama utiliti nombor satu ASEAN.

3

□ 为“□ □ □ □ □ □ 2.0”□ Reimagining TNB 2.0□ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □ □

领□□□□□□ 2025 □ 7 □ 荣□ Brand Finance □ 认□□□□□□□□ 强电□□

□ □ □ □ 评为东协 □ □ □ □ □ 业 □ □ □



Photo 4

TNB personnel reflect the company's ESG commitments, which in 1H 2025 encompassed investments in renewable energy, education support and community-driven solar projects. These ensure that TNB's growth continues to generate a positive impact for both the rakyat and the environment.

Foto 4

Kakitangan TNB mencerminkan komitmen ESG syarikat, yang pada 1H 2025 merangkumi pelaburan dalam tenaga boleh baharu, sokongan pendidikan dan projek solar berasaskan komuniti. Ini memastikan pertumbuhan TNB terus memberi impak positif kepada rakyat dan alam sekitar.

4



Photo 5

TNB empowers communities through sustainable initiatives, including RM2.17 million in rooftop solar and solar-powered street lighting projects across high-impact sites such as Anjung Kasih hospitals, worship houses, island villages, rural schools and education hubs. Since 2018, TNB has also sponsored three Better Brighter Anjung Kasih with Yayasan Kebajikan Negara at Hospital Serdang, Hospital Raja Perempuan Zainab II in Kota Bharu and Hospital Melaka, providing temporary accommodation for underprivileged families of patients.

Foto 5

TNB memperkasa komuniti melalui inisiatif lestari, termasuk pelaburan RM2.17 juta bagi projek panel solar di bumbung dan lampu jalan berkuasa solar di tapak berimpak tinggi seperti hospital Anjung Kasih, rumah ibadat, kampung pulau, sekolah luar bandar dan hab pendidikan. Sejak 2018, TNB telah menaja tiga projek Better Brighter Anjung Kasih bersama Yayasan Kebajikan Negara di Hospital Serdang, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu dan Hospital Melaka dengan menyediakan penginapan sementara untuk keluarga pesakit yang kurang berkemampuan.

5

过续项发爱 Anjung
Kasih 场 岛 乡 资 217 顶
项 2018 TNB 还 Yayasan Kebajikan
Negara, YKN 鲁苏 纳 Raja
Perempuan Zainab II 马 资 项“爱 Better
Brighter Anjung Kasih 项 为经济 难 临时 护



Photo 6

TNB's dividend commitment goes beyond rewarding shareholders as it directly contributes to nation-building, reflecting the company's ethos of delivering value while giving back to the communities it serves.

Foto 6

Komitmen dividen TNB bukan sekadar memberi ganjaran kepada pemegang saham kerana ia menyumbang secara langsung kepada pembangunan rakyat dan negara. Ini mencerminkan aspirasi TNB untuk menjana nilai sambil menyalurkan semula manfaat kepada negara.

6

诺仅馈东设现创值时馈



Photo 7

With RM64.3 million in aid channelled via UNITEN and Yayasan Tenaga Nasional, 1,515 students received the support needed to continue their education and contribute to the nation's long-term human capital development.

Foto 7

Dengan bantuan berjumlah RM64.3 juta yang disalurkan melalui UNITEN dan Yayasan Tenaga Nasional, seramai 1,515 pelajar menerima sokongan untuk meneruskan pengajian mereka serta menyumbang kepada pembangunan modal insan jangka Panjang negara.

□ □ 7

□ □ □ □ □ UNITEN □ □ □ □ □ □ □ □ Yayasan Tenaga Nasional □ 发 □ □ RM8670 □ □
□ □ 协 □ 1515 □ □ □ 继续 □ □ □ □ □ 动马 □ □ 亚 □ □ □ 资 □ 长远发 □ □



Photo 8

Over RM4.8 million has been invested in national hockey development, benefiting nearly 15,750 athletes and enthusiasts through the Malaysian Hockey Confederation, training clinics and equipment support.

Foto 8

Lebih RM4.8 juta telah dilaburkan dalam pembangunan hoki negara, memberi manfaat kepada hampir 15,750 atlet dan peminat melalui Konfederasi Hoki Malaysia, klinik latihan dan penyediaan peralatan.

□ □ 8

□ □ □ □ 480 □ □ □ 发钩动马钩总举办训练营
设备约 1 □ 5750 □ □ 动员爱